

# Halim nak berentap dengan Mahathir sekali lagi

ALOR SETAR, Isnin — Ada kemungkinan besar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed akan ditentang sekali lagi oleh calon PAS, Encik Halim Arshad dalam pilihanraya yang akan datang.

Sumber-sumber PAS berkata, Encik Halim yang kini bertugas sebagai seorang guru, telah memberitahu parti itu beliau ingin sekali lagi berentap dengan Datuk Seri Dr. Mahathir di Kubang Pasu.

Menurut sumber-sumber itu Encik Halim yang tewas di tangan Datuk Seri Dr. Mahathir pada pilihanraya tahun 1978 kini mempunyai lebih ramai penyokong.

Dipercayai PAS akan cuba sungguh-sungguh mencapai kemenangan di kawasan Datuk Seri Dr. Mahathir dan juga di kawasan Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar, Encik Samsi Junid di Jerlun/Langkawi.

"Kami tidak menentang Datuk Seri Dr. Mahathir secara peribadi tetapi yang kami tentang ialah dasar perjuangan kerajaan," kata seorang jurucakap PAS.

PAS, katanya, akan menimbulkan berbagai isu yang kini menyebabkan rakyat kurang puas hati terhadap kerajaan.

Namun demikian, Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah, Datuk Sudin Wahab berkata, Encik Halim masih terikat dengan syarat ISA yang melarangnya berpolitik.

## Menawan

Encik Halim ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri selepas demonstrasi padi di depan Wisma Negeri tahun lalu.

"Kita masih belum buat sebarang keputusan tentang siapa yang akan bertanding di Kubang Pasu," ujar Datuk Sudin.

"Kita akan bertanding di semua kawasan dan kita akan cuba sedaya upaya menawan Kubang Pasu. PAS kini mempunyai lebih ramai intelek dan ceramah-ceramah kita sedang berjalan dengan lancar," katanya.

Seorang jurucakap UMNO pula berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir tetap akan menang di Kubang Pasu kerana beliau telah menjaga kawasan itu dengan baik.

Dipercayai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusoff Rawa akan bertanding di Pulau Pinang sekali lagi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia